

HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG

**REKOD KOLONIAL
DAN EPILOG PERJUANGAN WATAN**

**Hamdan Aziz
Hafiz Zakariya
Zulkifli Abdullah**

HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG

REKOD KOLONIAL
DAN EPILOG PERJUANGAN WATAN

Buku ini membawa pembaca kepada dua perspektif perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong iaitu dari perspektif watan dan juga perspektif Barat. Jika dilihat dari perspektif watan, Haji Abdul Rahman ialah seorang pejuang Melayu tulen yang berjuang untuk mengembalikan hak dan kedudukan bangsa peribumi khususnya orang Melayu daripada penjarahan ekonomi dan sosial pihak kolonial British. Sebaliknya berdasarkan perspektif British, Haji Abdul Rahman ialah seorang fanatik, pemberontak, pengganas, *anti-establishment*, penentang, pengkhianat, penderhaka dan pengacau yang berstatus *persona non grata*. Untuk lebih jelas, buku ini juga mengetengahkan inti sari peristiwa berdasarkan sebuah rekod British (C.O. 717/61/2) yang memuatkan laporan penuh berkaitan peristiwa kebangkitan anti-British sehingga kemuncak perjuangan iaitu peristiwa tembakan di Padang Kachong, Kuala Telemong. Peristiwa yang berlaku pada tahun 1928 merupakan pengakhiran kepada perjuangan Haji Abdul Rahman di bumi kelahirannya sendiri kerana tidak lama selepas peristiwa tersebut, beliau telah dibuang negeri ke Makkah dan meninggal dunia kira-kira setahun selepas itu. Buku ini perlu diketengahkan sebagai tatapan umum memandangkan peristiwa masa lalu wajar dijadikan pedoman untuk generasi kini.



Penerbit UMT
Menjana Khazanah Ilmuwan
<https://penerbit.umt.edu.my>



HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG

REKOD KOLONIAL
DAN EPILOG PERJUANGAN WATAN

Hamdan Aziz
Hafiz Zakariya
Zulkifli Abdullah



Penerbit UMT
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Nerus
Terengganu
2025

Haji Abdul Rahman Limbong
Rekod Kolonial dan Epilog Perjuangan Watan

Hak Cipta Terpelihara © Penerbit UMT, 2025. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain tanpa mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

© UMT Press, 2025. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopying, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Director, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Diterbitkan oleh/*Published in Malaysia by*
Penerbit UMT
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus
Terengganu, Malaysia

<https://penerbit.umt.edu.my>
E-mel: penerbitumt@umt.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7625-85-0

Kategori: Buku

Set in Times New Roman

Editor Naskhah: Azceha Ibrahim, Mohamad Nuraidil Zakaria & Muhammad Mustaqim

Reka bentuk: Wan Farida Hamimi Wan Ismail

Reka letak: Norma Haji Malik

Dicetak oleh

Percetakan Adab Sdn Bhd

4, Jalan PBS 14/1A

Taman Perindustrian Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan

Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

Senarai Rajah	viii
Senarai Foto	viii
Senarai Peta	ix
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkatan	x
Prakata	xiii
1 LINTASAN PENSEJARAHAN	1
2 PROLOG: TEREONGGANU SEBELUM KEBANGKITAN HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG	9
Pendahuluan	9
Terengganu Sebelum Perjanjian Bangkok 1909	9
Terengganu Setelah Perjanjian Bangkok 1909	13
Terengganu Setelah Pelantikan Penasihat British 1919	18
Sosioekonomi Terengganu pada Tahun 1928-1929	29
3 DESKRIPSI REKOD BRITISH C.O.717/61/2 TERHADAP KEBANGKITAN HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG	41
Pendahuluan	41
Rekod British C.O 717/61/2	41
Catatan Thomson: Arahan dan Keberangkatan ke Kuala Terengganu	43
Inti Sari Laporan Thomson Terhadap Kebangkitan Penduduk Hulu Terengganu	46
Kenyataan Thomson Sesi Kedua	50
Inti Sari Keterangan Informan	54
Kenyataan Pemangku Penasihat British, William Milnes Millington	54
Kenyataan Pesuruhjaya Polis Terengganu, Laurence Langley Mills	68
Kenyataan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Amar Diraja Haji Ngah Muhamad bin Yusof	89
Kenyataan Penduduk Kampung Pelong, Hulu Nerus, Mahmat bin Musa	92
Kenyataan Dato' Dalam Wan Abdullah bin Wan Mohamed	93
Kenyataan Penduduk Kuala Telemong, Tahir bin Suleiman	98

Kenyataan Penghulu Kuala Telemong,	
Che Yusof bin Abdul Rahman	106
Kenyataan Pemungut Hasil Tanah, Hugh Patterson Bryson	107
Kenyataan D.O. Kuala Berang, Wan Mahmud bin Wan Mohamed	108
Kenyataan Pesuruhjaya Tanah Terengganu, George Alexander	
de Chazel de Moubray	117
Kenyataan Penduduk Kuala Por, Latiff bin Mamat	119
Kenyataan Dato' Seri Lela Diraja Abdul Rahman bin Ishak	121
Kenyataan Dato' Pahlawan Mohamed Tahir bin Isa	128
Kenyataan Inspektor Tengku Abdullah bin Tengku Abdul Rahman	131
Kenyataan Ketua Balai Polis Kuala Berang, Sarjan Drahman	135
Kenyataan Penghulu Pasir Nyior, Kuala Berang,	
Mat Salleh bin Yusof	138
Kenyataan Penduduk Kampung Bharu, Hulu Berang,	
Haji Tahir bin Mat Din	139
Kenyataan Penduduk Kuala Menjing, Kuala Berang,	
Abdullah Juru Kaka bin Abu Bakar	139
Kenyataan Penduduk Kampung Berado, Kuala Berang,	
Ismail bin Salleh	140
Kenyataan Penduduk Kampung Pelam, Telemong,	
Haji Zakaria bin Haji Mohamed Hassan	142
Kenyataan Penduduk Kampung Cheting, Abu Bakar bin Drahman	143
Kenyataan Penduduk Kampung Kuala Bakar, Kuala Berang,	
Isa bin Haji Mamat	144
Kenyataan Penduduk Kampung Pitas, Kuala Berang,	
Mat Pitas bin Mohamat	145
Kenyataan Penduduk Kuala Pueh, Kuala Berang,	
Ungku Mat bin Ungku Wok	145
Kenyataan Penduduk Kampung Duyong, Kuala Terengganu,	
Haji Musa bin Abdul Rani	146
Kenyataan Penduduk Bukit Tador, Kuala Telemong,	
Tayit bin Jusoh	147
Kenyataan Imam Pasir Nering, Kuala Berang, Taib bin Ahmad	148
Kenyataan Dato' Jaya Perkasa Omar bin Mahmud	150
Kenyataan Anakanda Tok Ku Paloh,	
Syed Saggaf bin Syed Abdul Rahman	155
Kenyataan Che Leh bin Haji Abdul Rahman Limbong	158

4	EPILOG: KENISBIAN DALAM PERJUANGAN WATAN	
	Haji Abdul Rahman Limbong	165
	Pendahuluan	165
	Ulama Haraki dalam Mempertahankan Prinsip Fundamental Islam	166
	Penilaian Kebangkitan Anti-British dalam Kalangan Penduduk	
	Hulu Terengganu dari Perspektif Watan	171
	Pertembungan Nilai Fundamental Watan-Barat dalam Isu	
	Haji Abdul Rahman Limbong	194
	Raja Disanjung Rakyat Dipayung: Isu Haji Abdul Rahman Limbong	203
5	PENUTUP	215
	Rujukan	219
	Lampiran	229
	Biodata Pengarang	239
	Indeks	241

BAB 1

LINTASAN PERSEJARAHAAN

Berdasarkan teori pascakolonialisme yang dikemukakan oleh Edward Said,¹ Franz Fanon,² Gayatri Chakravorty Spivak,³ Homi Bhabha⁴ serta beberapa yang lain, ia adalah cara bagi seseorang pengkaji secara kritis melihat kesan politik, budaya, estetika, ekonomi, linguistik, sejarah dan sosial pemerintahan kolonial terutamanya oleh bangsa Eropah ke atas negeri-negeri terutama di sebelah Timur. Bertitik tolak daripada perkara ini, buku ini mendeskripsikan perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong pada dekad 1920-an di Terengganu dengan melihat impak kolonialisme terhadap penduduk peribumi melalui rekod British serta epilog perjuangan yang berteraskan elemen watan.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid bin Abdul Kadir atau lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong⁵ dilahirkan di Kampung Jenguk Tong, Beladai Kolam, Kuala Terengganu sekitar tahun 1868. Sewaktu meletusnya pertempuran di Padang Kachong, Kuala Telemond, umur Haji Abdul Rahman telah pun menjangkau 60 tahun. Ibunya bernama Tun Tijah binti Tun Akut, merupakan anak jati Kuala Berang, manakala ayahandanya Haji Abdul Hamid bin Abdul Kadir yang leluhurnya berasal daripada Patani. Gelaran Limbong diberikan kerana Haji Abdul Rahman sering berulang alik dari Kuala Terengganu ke Limbong iaitu sebuah penempatan penduduk di tepi sungai di Chukai, Kemaman untuk mengajar ilmu agama selain menjalankan aktiviti perniagaan.⁶

Sewaktu usia kanak-kanak, Haji Abdul Rahman dibawa oleh bapa saudaranya, Tun Muhammad Zain (Tun Mamat) ke Makkah. Setelah beberapa tahun menetap di sana, Haji Abdul Rahman kembali semula ke tanah air. Di Terengganu, Haji Abdul Rahman menyambung pengajian dengan Haji Yaakub dan Haji Musa di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu. Kedua-duanya ialah ulama bermazhab Syafii. Bagi mendalami ilmu kesufian, Haji Abdul Rahman berguru dengan Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad al-Idrus atau lebih dikenali dengan nama Tok Ku Paloh, seorang ulama yang terkenal dengan amalan kesufian melalui tarekat *Naqsyabandiyyah*. Bagi merealisasikan cita-citanya dalam menuntut ilmu, Haji Abdul Rahman sering berulang alik dari Kampung Beladai Kolam ke Kampung Paloh, tempat tinggal gurunya Tok Ku Paloh dengan menggunakan perahu.⁷

BIODATA PENGARANG

Hamdan Aziz ialah Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Beliau memperoleh Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sarjana dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya (UM) dalam bidang Sejarah Malaysia. Justeru, kepakaran beliau adalah dalam bidang Sejarah politik Malaysia serta tamadun Alam Melayu. Antara buku karya beliau yang diterbitkan oleh Penerbit Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) ialah *Pilihanraya Umum di Terengganu, 1959-2013* (UMT, 2015), *Sejarah Peperangan Tok Janggut di Kelantan* (UMT, 2016), *Misbaha: Tokoh Persuratan, Keagamaan, Kebajikan dan Pensejarahan Terengganu* (UMT, 2017) dan *Diskusi Kenegaraan Malaysia* (UMT, 2022). Buku yang diterbitkan di bawah Penerbit MAPIM lain ialah *Politik USNO dan BERJAYA di Sabah* (DBP, 2015), dan *Sosioekonomi Penduduk Melayu Hulu Kelantan, 1946-1960* (UMK, 2018). Beliau boleh dihubungi melalui e-mel hamdan.aziz@umt.edu.my.

Hafiz Zakariya ialah Profesor di Jabatan Sejarah dan Ketamadunan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperoleh PhD dari University of California, Santa Barbara, Amerika Syarikat. Bidang kepakaran beliau ialah pemikiran Islam di dunia Melayu dan peradaban Islam. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan pentadbiran termasuk Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Terengganu (2019-2022). Beliau juga pernah menjadi Sarjana Pelawat di Universiti Wakaf Fatih Sultan Muhammad di Istanbul, Turki (2017). Kini, beliau merupakan Dekan Kulliyah Ilmu Pengetahuan berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, UIAM. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel hafizz@iium.edu.my.

Zulkipli Abdullah ialah pesara guru kanan mata pelajaran Sejarah bagi pelajar prauniversiti, di SMK Tengku Mahmud, Besut, Terengganu serta pensyarah sambilan di Universiti Kolej Bestari, Setiu. Beliau memperoleh PhD serta merupakan graduan sulung dalam bidang Sejarah Malaysia di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu, di bawah seliaan Dr. Hamdan Aziz. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel ibnuabdullah64@gmail.com.